

Wajah baru Dayabumi 2017

Kompleks Dayabumi, kawasan yang menempatkan menara pencakar langit antara yang tertua di Kuala Lumpur, akan berubah wajah sepenuhnya menjelang 2017.

Ia susulan rancangan pemiliknya, KLCC Property Holdings Bhd (KLCCP) untuk menukar kompleks itu menjadi kawasan pembangunan bercampur yang terdiri daripada ruang peruncitan, ruang pejabat tambahan serta berkemungkinan besar memasukkan sebuah hotel di dalamnya.

Ketua Eksekutif KLCCP, Hashim Wahir, berkata kerja ubah suai kawasan Kompleks Dayabumi yang sudah pun bermula pada akhir tahun lalu itu, dijangka disiapkan dalam tempoh empat tahun.

“Ia membabitkan kawasan seluas kira-kira sejuta kaki persegi. Kami menjangka memasukkan sebuah hotel dalam kawasan pembangunan semula itu, dengan jenama hotel kumpulan lebih menjadi pilihan,” katanya kepada pemberita selepas majlis penyenaraian KLCCP Stapled Group di Papan Utama Bursa Malaysia, semalam.

Berlandaskan syariah

KLCC Stapled Group adalah gabungan antara KLCCP dan KLCC Property Real Estate Investment Trust (KLCC REIT) yang membentuk REIT ‘staple’ berlandaskan syariah pertama seumpamanya di Malaysia.

Rancangan memajukan semula Kompleks Dayabumi itu adalah sebahagian daripada rancangan pembangunan kumpulan gabungan berkenaan dalam tempoh terdekat ini. Hashim bagaimanapun tidak mendedahkan kos ubah suai semula Kompleks Dayabumi.

“Buat masa ini, kadar penempatan di kompleks itu adalah 100 peratus,” katanya.

Berdasarkan rancangan awalnya, KLCCP yang juga anak syarikat kumpulan PETRONAS akan mengubah suai sepenuhnya kompleks setinggi 35 tingkat itu manakala podium runcit berkembar setinggi enam tingkat, City Point akan digantikan dengan blok menara baru.

Menara Dayabumi, antara mercu tanda utama di Kuala Lumpur pada awal 1980-an sebelum kemunculan beberapa pencakar langit lain di ibu negara adalah bekas tapak bengkel serta depot bagi Malayan Railway sejak 1900-an hingga 1981.

Kawasan yang menempatkan menara itu mula dibangunkan pada 1982 dan siap pada 1984.

Ambil alih pada 2005 Pemilik pertamanya ialah Lembaga Pembangunan Bandar sebelum KLCCP mengambil alih pada 2005.

Menara Dayabumi juga adalah bekas ibu pejabat PETRONAS sebelum firma minyak dan gas negara itu berpindah ke Menara Berkembar PETRONAS selepas bangunan tertinggi di Malaysia itu siap.

Penyewa semasanya terdiri daripada beberapa anak syarikat PETRONAS, CIMB, Maybank, Bank Simpanan Nasional (BSN), Mercy Malaysia, Institut Penyelidikan Ekonomi Malaysia (MIER) serta beberapa peruncit.

Bangunan ibu Pejabat Pos yang dimiliki Pos Malaysia Bhd yang terletak bersebelahan kompleks itu bagaimanapun tidak akan dibangunkan semula.



Pengerusi KLCCP, Harry K Menon (kiri) bersama Hashim (kanan) melihat penyenaraian KLCCP Stapled Group di Papan Utama Bursa Malaysia di Kuala Lumpur, semalam.